

**PAS Mahu SPRM Diberi Kuasa Pendakwaan**  
**Bernama**  
**28 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- PAS pada Selasa berkata Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sepatutnya diberi kuasa pendakwaan dan bukan hanya sekadar memiliki kuasa pemantauan berkaitan kes rasuah.

Ketua Penerangan parti Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man dalam kenyataan di sini, berkata dengan ada kuasa pendakwaan itu, SPRM tidak lagi tertakluk kepada budi bicara Peguam Negara sebagaimana sekarang.

"Apa yang penting bagi SPRM bukan semata-mata siasatan, tetapi turut mempunyai kuasa pendakwaan," katanya sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Isnin mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah.

Untuk itu, katanya PAS akan mengemukakan usul berkaitan perkara itu pada persidangan Parlimen akan datang.

"Perdana Menteri tidak perlu menunggu untuk mendapatkan dua pertiga majoriti dalam pilihanraya akan datang, kerana rakyat akan menilai sejauh mana kerajaan mendokong usaha membanteras rasuah dengan menilai sokongan Barisan Nasional (BN) terhadap usul yang akan dibawa PAS," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648613>